

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN  
[SEPANGGAR]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi yang dilaksanakan Kementerian untuk menggandakan pertumbuhan dan mempergiatkan pembangunan industri di Sabah bagi tempoh jangka pendek dan panjang pasca pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

MITI dan Agensi sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha untuk menggandakan pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan industri di semua negeri di Malaysia, termasuk menarik pelaburan di dalam sektor khusus di sesebuah negeri.

Antara faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan sesebuah negeri sebagai lokasi pelaburan adalah ketersediaan infrastruktur yang kukuh, tenaga kerja, bekalan utiliti yang stabil serta kesalinghubungan atau *connectivity* kepada fasiliti pelabuhan. Industri di Sabah kebanyakannya tertumpu kepada industri di peringkat huluan atau berasaskan *primary resources* seperti kelapa sawit, minyak dan gas, kayu dan perikanan. Oleh yang demikian, dalam mempergiatkan usaha

menarik pelaburan dan membangunkan industri pembuatan di Sabah, Kerajaan akan meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian seperti di Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP), pembangunan lebuh raya Pan Borneo bagi melancarkan hubungan logistik serta mewujudkan lebih banyak industri hiliran bagi merancakkan aktiviti nilai tambah sektor pembuatan.

Baru-baru ini, Kerajaan telah berjaya menarik pelaburan berteknologi tinggi menerusi Syarikat SK Nexilis dari Korea Selatan untuk melabur di negeri Sabah dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.3 billion yang dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2023. SK Nexilis merupakan pengeluar kerajang tembaga (*electro-deposited copper foil*) bagi pengeluar bateri kenderaan elektrik (*Electric Vehicle - EV*). Pelaburan ini bakal mewujudkan 400 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan disasar untuk memperkuuhkan ekosistem pembangunan pengeluaran kenderaan elektrik seterusnya menjadikan Malaysia menjadi hab pengeluaran kenderaan EV.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesinambungan perniagaan dan pembangunan industri pasca pandemik COVID-19 memerlukan kerjasama erat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Bagi memastikan kelangsungan aktiviti sektor pembuatan seperti yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN), MITI telah melaksanakan inisiatif jangka masa pendek seperti berikut:

- i. Kelulusan operasi bagi sektor pembuatan melalui sistem CIMS3.0 berdasarkan Fasa PPN;
- ii. Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang dilancarkan pada 16 Jun 2021 sebagai Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK); dan
- iii. Program Safe@Work bagi menggalakkan langkah-langkah kesihatan awam yang komprehensif supaya dilaksanakan secara sukarela oleh majikan bagi menangani penularan wabak COVID-19

di kilang-kilang. Insentif yang diberikan dibawah program ini adalah berupa potongan cukai tambahan kepada syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan sehingga RM50,000 bagi perbelanjaan sewaan premis penginapan atau kemudahan tempat tinggal pekerja.

Bagi memastikan perkembangan secara mapan industri negara, beberapa inisiatif jangka panjang sedang dilaksanakan. Antaranya:

- melaksanakan dasar pelaburan baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional yang menyasarkan pelaburan dengan tahap kompleksiti ekonomi tinggi yang berupaya untuk menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta pembangunan rantaian bekalan industri secara menyeluruh;
- menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara yang diketuai oleh YB Menteri Kanan MITI bertujuan untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem;
- menawarkan pelbagai insentif cukai bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan tempatan termasuk memperkenalkan skim insentif cukai di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang disasar dapat meningkatkan pelaburan domestik dan asing selain menarik syarikat multinasional untuk memindahkan operasi mereka ke Malaysia;
- membangunkan ekosistem rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan beberapa program rantaian bekalan bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempatan terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat-syarikat multinasional;
- menganjurkan sesi dialog secara kerap antara MITI/MIDA dengan Dewan Perdagangan / Perniagaan (*Business Chambers*), Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi dan persatuan-persatuan industri bagi mencari

## **SOALAN NO : 22**

penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek;

- memudahkan proses kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek pengilangan dan perkhidmatan melalui ‘Project Acceleration and Coordination Unit’ (PACU) MIDA; dan
- Pusat Sehenti (*One Stop Centre - OSC*) di MIDA untuk menilai permohonan dari pelawat perniagaan jangka pendek yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Inisiatif ini dikendalikan oleh MIDA bersama-sama wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan (KKM) dan MITI untuk membolehkan pelawat perniagaan dan pelabur terus memasuki Malaysia dengan pematuhan SOP yang ketat serta pengesahan kesihatan supaya rancangan pelaburan berjalan dengan lancar.

MIDA, sebagai agensi pelaburan utama negara sentiasa bekerjasama erat dengan semua Agensi Pelaburan di peringkat negeri dan Koridor Ekonomi dalam menarik pelaburan. Di Sabah, MIDA sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Invest Sabah, Terminal Perindustrian dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA). Namun, pemilihan kawasan pelaburan adalah tertakluk kepada keputusan pelabur itu sendiri berdasarkan pelbagai faktor pertimbangan pelabur tersebut.

Sekian, terima kasih.